

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1 Pak Karim menebang pokok itu

dengan se_____kapak yang tajam.

- A bilah
- B buah
- C batang
- D butir

2 Saya terjumpa se_____jam

tangan yang cantik di dalam bilik itu.

- A biji
- B buah
- C bentuk
- D butir

3 Encik Samad mempunyai

se_____tanah yang luasnya dua puluh hektar di kampung itu.

- A baris
- B buah
- C bidang
- D carik

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4 Di bandar itu, terdapat banyak _____ bangunan pencakar langit.

- A blok
- B bongkah

- C angkatan
- D bidang

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5 Kak Salmah memberikan beberapa _____ gula-gula kepada adiknya.

- A biji
- B cebis
- C bungkus
- D buah

6 Saya membeli enam _____

telur dari kedai runcit.

- A biji
- B baris
- C buah
- D bentuk

7 Karim sedang memanggang lima


belas _____ sate untuk pelanggannya.

- A gugus
- B biji
- C cucuk
- D batang

8 Di kedai itu, hanya tinggal beberapa _____ tikar sahaja.

- A buku
- B baris
- C bidang
- D batang

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



9 Di tepi perhentian bas itu terdapat

se _____ tiang lampu.

- A bilah
- B buah
- C baris
- D batang

10 Mei Mei menjerit kerana terduduk di

atas se _____ jarum.

- A buku
- B cebis
- C bilah
- D butir

11 Dua _____ kerusi di bahagian hadapan tempat duduk itu dikhaskan untuk tetamu jemputan.

- A bilah
- B batang
- C bentuk
- D baris

12 Pak Leman pulang dari ladang dengan menjunjung se _____ kayu api.

- A bilah
- B buah
- C berkas
- D buku

13. Puan Maisarah membeli beberapa _____ benang emas untuk membuat tekat pada cadar baldi itu.

- A biji
- B buku
- C butir
- D cekak

14. Dua _____ keris tersilang

pada dinding rumah Encik Hamid.

- A bilah
- B biji
- C baris
- D batang

15. "Berapakah harga se _____ buah

kelapa ini?" tanya Pak Budin sambil menunjuk ke arah longgokan kelapa di tepi jalan itu.

- A butir
- B biji
- C colek
- D buah

16. Puan Barhah membeli beberapa _____ coklat untuk membuat gubahan yang ditempah oleh pelanggannya.

- a. biji
- b. cubit
- c. bungkus
- d. bongkah

17. Maznah mengambil se _____ perca kain untuk menampal kainnya yang koyak.

- A bungkus
- B colek
- C carik
- D bidan

E

18. Ibu memasukkan beberapa _____ bawang putih ke dalam minyak panas itu.

- A** urat
- B** utas
- C** untai
- D** ulas

19. Suhaili membeli se _____ mutiara untuk ibunya.

- A** tompok
- B** tangkai
- C** ruas
- D** untai

20. Hamizah tidak suka makan durian walaupun se _____.

- A** ulas
- B** usul
- C** utas
- D** urat

